

Bagi memandu kepada Projek Ilmiah Talap Akhir 1 dan 2, saya telah memilih Tutorial Atas Talian (OLT) FSKTM UM sebagai subjek bagi projek tersebut.

Perpustakaan SKTM

Saya telah mula menjalankan projek ini pada 4 Mac 2003 hingga 20 Ogos 2003, 16 minggu sejak bermulanya. Sepanjang tempoh itu, banyak menyebarkan

berkaitan dengan dan sebagai penyarah dalam

Nama: Ahmed Faizzuddin Mohd Imam

Laporan ini adalah mengenai dan hasil kerja yang akan

Kod Kursus: WXES 3182

Projek ini dapat meningkatkan kemampuan modal yang utama yang

berthabik sebagai pihak yang dapat meningkatkan pengetahuan sistem yang

Penasihat: Cik Rafidah

Penasihat utama ini adalah pihak yang paling penting kerana ia memegang

keseluruhan sistem dan dapat menjawabnya untuk mengemukakan maklumat

sebaliknya diaditi oleh pihak lain di FSKTM.

Akhir sekali, saya berkaitan dengan sistem ini dapat meningkatkan

pengetahuan dan pengalaman yang pastinya berguna di dalam peraktikan

yang sangat penting untuk meningkatkan pengetahuan.

Perpustakaan Universiti Malaya



A511275373

ABSTRAK

Bagi memenuhi keperluan Projek Ilmiah Tahap Akhir 1 dan 2, saya telah memilih Tutorial Atas Talian (OLT) FSKTM UM sebagai tajuk bagi projek tersebut.

Saya telah mula menyiapkan projek ini dari 4 Mac 2003 hingga 20 Ogos 2003, 16 minggu secara keseluruhannya. Sepanjang tempoh itu, laporan menyeluruh berkaitan dengan sistem OLT telah dihasilkan untuk dihantar kepada pensyarah dalam masa beberapa minggu.

Laporan ini akan menerangkan latar belakang dan fungsi sistem yang akan dibina bersama metodologi yang digunakan.

Projek ini dapat menghubungkan tiga komponen atau modul yang utama yang bertindak sebagai pihak yang dapat menentukan proses penyelenggaraan sistem yang efisien.

Pentadbir sistem ini adalah pihak yang paling penting kerana ia memegang keseluruhan sistem dan menjadi tanggungjawabnya untuk mengemaskini maklumat sekiranya diminta oleh pihak pentadbiran FSKTM.

Akhir sekali laporan berkaitan dengan sistem ini dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman yang pastinya berguna di dalam persekitaran pembangunan yang melibatkan teknologi komputer serta persekitaran pengaturcaraan.

PENGHARGAAN

Terdahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana mengurniakan kesihatan dan keberkatan, dan penghargaan juga kepada keluarga kerana menyokong saya sepanjang menyiapkan projek ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada moderator saya iaitu Dr. Mazliza kerana beliau juga telah memberi pandangan dan nasihat bagi memastikan sistem yang bakal dibina memenuhi objektif.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Rafidah, penyelia saya, di mana beliau telah memberi dorongan yang tidak berbelah bagi sepanjang saya menghasilkan dokumen ini.

Akhirnya sekali, saya mahu mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pelajar dalam FSKTM yang pernah membantu saya.

2.4 Kajian Persekitaran Pembangunan Sistem 11

2.5 Kajian Pemilihan dan Pengiraan Data 19

2.6 Kajian Pemilihan Perkhidmatan 23

BAB 3 METODOLOGI 25

3.1 Pengiraan 25

3.2 Perincian dan Analisis Metodologi 26

3.3 Kajian Kajian 29

3.4 Spesifikasi Keperluan Pembangunan Sistem 41

3.5 Spesifikasi Keperluan Sistem 43

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Objektif 2

1.2 Skop 2

1.3 Pengguna Sasaran 3

1.4 Kekangan 3

1.5 Penjadualan Projek 4

BAB 5 SISTEM IMPLEMENTASI 75

BAB 2 KAJIAN LITERASI 5

2.1 Pengenalan 5

2.2 Tinjauan Terhadap Sistem yang Sedia Ada 5

2.3 Mengenali Sistem yang Akan Dibangunkan 7

2.4 Kajian Peralatan Pembangunan Sistem 11

2.5 Kajian Pembangunan Pangkalan Data 19

2.6 Kajian Keperluan Perkakasan 23

BAB 3 METODOLOGI 25

3.1 Pengenalan 25

3.2 Pertimbangan dan Analisis Metodologi 26

3.3 Kaedah Kajian 39

3.4 Spesifikasi Keperluan Pembangunan Sistem 41

3.5 Spesifikasi Keperluan Sistem 43

BAB 4	REKABENTUK SISTEM	48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Rekabentuk Senibina Sistem	48
4.3	Modul Sistem	52
4.4	Rekabentuk Fungsi Sistem	55
4.5	Rekabentuk Fungsi Modul	59
4.6	Rekabentuk Antaramuka Pengguna	65
BAB 5	SISTEM IMPLEMENTASI	75
5.1	Pengenalan	75
5.2	Persekitaran Pembangunan	75
5.3	Pembangunan Platform	76
5.4	Pembangunan Sistem	76
BAB 6	PENGUJIAN	77
6.1	Pengenalan	77
BAB 7	EVALUASI SISTEM	85
7.1	Pengenalan	85
7.2	Masalah dan Penyelesaian	85
7.3	Kekuatan Sistem	86
7.4	Kekangan Sistem	88
7.5	Cadangan Untuk Masa Hadapan	89

7.6	Pengalaman dan Pengetahuan	90
	RUMUSAN	91
	APENDIKS A	92
	APENDIKS B	93
	APENDIKS C	105
	APENDIKS D	123
	RUJUKAN	139

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Keperluan perkakasan

Jadual 6.1: Kes Pengujian Sistem Tutorial Atas Talian FSKTM

Jadual 6.2: Butiran pelajar dan pensyarah yang disimpan di dalam pangkalan data selepas pendaftaran

Rajah 3.3: Rajah Perlaksanaan Prototip

Rajah 4.1: Rajah Interface Tutorial Atas Talian Komputer FSKTM

Rajah 4.2: Konsep Sistem

Rajah 4.3: Gambaranajah Aliran Data Papan

Rajah 4.4: Carta alir Login

Rajah 4.5: Carta alir Pendaftaran Kaki Kertas

Rajah 4.6: Carta alir Pengeditan Kaki Kertas

Rajah 4.7: Carta alir Pendaftaran Pensyarah Baru

Rajah 4.8: Carta alir Pemeliharaan Data Pensyarah

Rajah 4.9: Carta alir Login

Rajah 4.10: Carta alir Papan Papan

Rajah 4.11: Carta alir Hantar Fail

Rajah 4.12: Carta alir Semak Fail

Rajah 4.13: Carta alir Papan Papan

Rajah 4.14: Carta alir Perbincangan Teka

Rajah 4.15: Carta alir Perbincangan Audio

Rajah 4.16: Carta alir Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1: Pengguna Sasaran**
- Rajah 3.1: Model Build and Fix**
- Rajah 3.2: Model Lingkaran Spiral**
- Rajah 3.3: Model Air Terjun dengan Prototaip**
- Rajah 3.4: Rajah Pelaksanaan Prototaip**
- Rajah 4.1: Rajah konteks Tutorial Atas Talian Komputer FSKTM**
- Rajah 4.2: Konsepsi Sistem**
- Rajah 4.3: Gambarajah Aliran Data Paras**
- Rajah 4.4: Carta alir Login**
- Rajah 4.5: Carta alir Pendaftaran Kod Kursus**
- Rajah 4.6: Carta alir Pengeditan Kod Kursus**
- Rajah 4.7: Carta alir Pendaftaran Pensyarah Baru**
- Rajah 4.8: Carta alir Kemaskini Data Pensyarah**
- Rajah 4.9: Carta alir Login**
- Rajah 4.10: Carta alir Papan Pesanan**
- Rajah 4.11: Carta alir Hantar Fail**
- Rajah 4.12: Carta alir Senarai Fail**
- Rajah 4.13: Carta alir Papan Putih**
- Rajah 4.14: Carta alir Perbualan Teks**
- Rajah 4.15: Carta alir Perbualan Audio**
- Rajah 4.16: Carta alir Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian**

Rajah 4.17 Carta alir Permohonan Kelas Tutorial Atas Talian

Rajah 4.18 Antaramuka Menu Utama

Rajah 4.19 Antaramuka Login

Rajah 4.20 Antaramuka Kelas Tutorial

Rajah 4.21 Antaramuka Pentadbir

Rajah 4.22 Antaramuka Papan Pesanan

Rajah 4.23 Antaramuka Hantar Fail

Rajah 4.24 Antaramuka Terima Fail

Rajah 4.25 Antaramuka Papan Putih

Rajah 4.26 Antaramuka Audio

Rajah 4.27 Antaramuka Perbualan Teks

Rajah 6.1 Laman apabila ID Pengguna atau Katalaluan yang tidak sah dimasukkan

BAB 1: PENGENALAN

Projek yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk membangunkan satu sistem Online Tutorial di atas talian di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Malaya.

Online Tutorial menggunakan antaramuka web dan boleh dicapai melalui laman utama. Capaian kepada semua modul memerlukan kebenaran. Keperluan yang paling penting adalah untuk menghasilkan multi-sistem yang berintegrasi sepenuhnya di mana ia boleh beroperasi di antara satu sistem dengan yang lain; dan boleh menyokong operasi jabatan dalaman dengan efisien.

Online Tutorial direka bentuk untuk membenar dan membimbing pensyarah dan pelajar mengikut melalui modul perspektif mereka dalam persekitaran maya. Online Tutorial mempunyai spesifikasi ramah pengguna di mana ia senang untuk dikendalikan.

Sistem ini menawarkan 16 menu major dan boleh diminimumkan mengikut keperluan pelanggan. Diharap sistem yang cuba dibangunkan ini dapat memberi manfaat kepada pengguna komputer di fakulti ini disamping memberi maklum balas yang positif khususnya dalam pembelajaran dan seterusnya membawa pendekatan baru kepada penyampaian kelas tutorial untuk menjalankan tanggungjawab dengan lebih efisien serta mampu untuk memberi kepuasan yang maksimum kepada para pengguna.

1.1 OBJEKTIF

Sistem Online Tutorial FSKTM ini mempunyai beberapa objektif tertentu yang menyokong pembangunannya. Antaranya ialah:

- Menghasilkan dan menyampaikan pembelajaran melalui persekitaran multimedia tanpa mengira masa dan tempat.
- Menyediakan capaian yang mudah, cepat dan pintar.
- Pembelajaran boleh menjadi lebih menarik dan interaktif.
- Kos keseluruhan boleh dikurangkan di samping meningkatkan efisien.
- Peralatan komunikasi seperti perbualan teks, papan pesanan, dan kemudahan muat turun fail membantu memastikan penyertaan.

1.2 SKOP

Sistem ini digunakan untuk kegunaan pelajar dan pensyarah FSKTM Universiti Malaya dalam menyediakan tutorial secara maya tanpa mengira sempadan. Kursus-kursus yang menawarkan tutorial secara adalah untuk peringkat Diploma dan Ijazah.


Mana-mana kursus yang menawarkan kelas tutorial bagi memenuhi keperluan kursus, boleh menggunakan sistem ini bagi menggantikan kelas tutorial yang selama ini diadakan di bilik tutorial ataupun di dewan kuliah.

Walau bagaimanapun, bukan semua kursus dapat menyediakan tutorial secara maya. Kursus yang mana ia memerlukan kerja makmal, tidak boleh dilakukan seluruhnya secara dalam talian.

Sesuatu kursus yang ditawarkan tidak semestinya menyediakan kelas tutorial secara maya. Terpulanglah kepada penilaian seseorang pensyarah itu, jika mereka rasakan terdapat sesetengah kursus perlunya kelas tutorial dijalankan secara manual atau atas talian.

1.3 PENGGUNA SASARAN

Mereka yang boleh mencapai sistem ini adalah pentadbir, pensyarah dan pelajar FSKTM Universiti Malaya.



Rajah 1.1: Pengguna sasaran

1.4 KEKANGAN

Sistem ini hanya membenarkan seorang pensyarah berinteraksi dengan seramai 160 – 170 individu pada satu masa. Saiz fail yang boleh dipindahkan antara pengguna dalam sistem ini adalah tidak melebihi 1.0 MB dan saiz maksimum fail yang dapat disimpan adalah 2.0 MB.

BAB 2 Sistem ini mungkin baru bagi sesetengah pengguna, dan bagi mereka yang tidak mengambil inisiatif untuk memahirkan diri dalam menggunakan fungsi-fungsi yang terdapat pada sistem ini berkemungkinan akan mengalami masalah untuk meneruskan kelas tutorial.

Selain itu dalam program tutorial secara maya, pelajar mungkin mengambil sikap lewa untuk turut serta dalam pembelajaran. Oleh itu mereka perlu mempunyai motivasi yang tinggi dan kesungguhan untuk meneruskan kelas.

1.5 PENJADUALAN PROJEK

(Rujuk Apendiks A)

2.1 TINDAKAN TERHADAP SISTEM YANG SEDIA ADA

Tutorial secara manual

Tutorial manual sering kali dilihat sebagai sebuah bilik tutorial dengan di mana pelajar perlu menghadiri kelas bagi memastikan penyertaan mereka dalam tutorial dan penyarah ataupun tutor pula perlu hadir di tempat yang sama bagi menyampaikan pembelajaran.

Dari aspek kehadiran pelajar pula, tutor akan memastikan mana-mana pelajar yang mengikuti tutorial ini diwajibkan hadir, yang mana jika sesetengah pelajar ini jika didapati tidak dapat menghadiri sesuatu kelas tutorial lebih daripada tiga kali akan diadung dengan menghadapi peperiksaan. Ini dilakukan dengan memberikan barang

BAB 2: KAJIAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Kajian literasi adalah kajian latar belakang terhadap maklumat yang diperolehi untuk membangunkan sesuatu projek atau sistem. Ianya bertujuan untuk menambah serta meningkatkan kefahaman tentang persekitaran pembangunan yang akan dilakukan. Selain daripada itu, kajian literasi ini membolehkan pembangun membuat perbandingan sistem yang cuba dibangunkan dengan sistem yang sedia ada. Sekiranya sistem ini belum pernah dibangunkan kajian literasi dapat membantu untuk menghasilkan sesuatu mengikut kehendak pengguna sistem.

2.2 TINJAUAN TERHADAP SISTEM YANG SEDIA ADA

Tutorial secara manual

Tutorial secara manual sering kali dilihat sebagai sebuah bilik tutorial ataupun dewan kuliah. Pelajar perlu menghadiri kelas bagi memastikan penyertaan mereka dalam sesuatu tutorial dan pensyarah ataupun tutor pula perlu hadir di tempat yang sama bagi menyampaikan pembelajaran.

Dari aspek kehadiran pelajar pula, tutor akan memastikan mana-mana pelajar yang mengikuti tutorial ini diwajibkan hadir, yang mana jika seseorang pelajar itu jika didapati tidak dapat menghadiri sesuatu kelas tutorial lebih daripada tiga kali akan dihalang daripada menduduki peperiksaan. Ini dilakukan dengan memberikan borang

kehadiran pelajar sewaktu tutorial dijalankan bagi mendapatkan tandatangan mereka yang hadir. Seseorang tutor pada kebiasaanya tidak akan memanggil nama setiap pelajar bagi mengesahkan kehadiran seseorang pelajar itu tetapi mereka hanya melihat tandatangan pada borang kehadiran yang telah diberikan. Jika seseorang pelajar bertindak memberikan tandatangan palsu untuk pelajar lain, bermakna sebarang tindakan tidak dapat diambil pada pelajar yang tidak hadir lebih daripada tiga kali. Pelajar tersebut mungkin akan mengalami masalah untuk menjawab soalan peperiksaan kerana kelas tutorial sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran soalan pada hari peperiksaan.

Kelas tutorial yang dijalankan secara manual memerlukan bilik tutorial untuk menempatkan sejumlah pelajar bersama seorang tutor secara bertentang muka (face to face). Masalah akan timbul sekiranya bilik tutorial yang diperuntukkan itu sempit dan terhad jika jumlah pelajar adalah ramai. Sebagai penyelesaian, kelas tutorial yang sepatutnya dijalankan di bilik tutorial terpaksa dijalankan di dewan kuliah ataupun di auditorium. Masalah yang berikutnya akan menyusul sekiranya terdapat kuliah dan kelas tutorial yang hendak dijalankan pada masa dan tempat yang sama. Oleh yang demikian, jadual kelas tutorial terpaksa diubah kepada masa yang tertentu bagi mengelakkan sebarang pertindanan dengan kelas lain.

2.3 MENGENALI SISTEM YANG AKAN DIBANGUNKAN

OLT (Tutorial Atas Talian)

Pelajar hanya perlu berada di hadapan komputernya di mana-mana sahaja untuk mengambil bahagian dalam tutorial tersebut. Sebarang soalan boleh disampaikan menerusi komputer dan pensyarah boleh menjawabnya dengan serta merta. Dalam sesi tutorial, pelajar dapat mendengar suara pensyarah serta melihat nota yang berkenaan. Pelajar juga boleh berkomunikasi dengan pensyarah melalui sistem emel yang disediakan pada masa yang sama.

Secara tradisionalnya universiti dan kolej dipandang sebagai sebuah bangunan. Pelajar secara fizikalnya perlu hadir untuk mendapat manfaat dari pensyarah dan tutorial. Kertas peperiksaan, nota tutorial, bahan kursus dihantar ke rumah mereka. Mereka belajar di tempat mereka sendiri dan kebiasaannya menghantar kerja mereka kembali kepada tutor melalui emel.

Sesi Tutorial

Tutorial secara talian membenarkan pensyarah untuk membincangkan sesuatu isu seperti mod masa nyata. Mod sebegini digemari kebanyakan pelajar kerana mereka boleh selalu berbincang dengan pensyarah dan pelajar lain di mana sahaja mereka berada selagi mereka mempunyai komputer dan capaian internet dengan mengakses sistem OLT. Pensyarah boleh menghantar diagram, gambar, dan nota melalui papan putih yang dikongsi bersama, di mana ia dipaparkan oleh semua pelajar yang menghadiri tutorial.

2.3.1 Pelajar juga boleh melibatkan diri dalam menambah sebarang maklumat pada papan putih tersebut. Tutorial ini membenarkan pensyarah menyampaikan pembentangan dengan keupayaan visual. Pelajar dan pensyarah boleh berkomunikasi dengan menggunakan kemudahan perbualan teks yang disediakan.

Keperluan psikologi

Pendidikan maya memberikan pelajar lebih keselesaan dan kebebasan. Dalam program pendidikan jarak jauh, pelajar perlu mempunyai motivasi yang tinggi dan kesungguhan untuk menghabiskan kursus. Interaksi bersama pensyarah dan pelajar lain adalah minima dan seringkali melalui e-mel dan Internet Relay Chat (IRC), membuatkan pelajar tidak rasa terasing dengan sesiapa untuk meminta bantuan bila diperlukan. Walaupun mereka boleh menghantar soalan melalui papan pesanan kepada pensyarah, mereka tidak boleh memastikan pensyarah membalas dengan segera. Pensyarah mungkin memerlukan masa beberapa hari untuk membalas. Oleh itu pelajar perlu sentiasa fokus dan tidak mudah putus asa.

Pelajar juga perlu berdisiplin dalam mengurus masa dengan baik. Walaupun mereka tidak perlu menghadiri kelas dan tutorial pada masa tertentu, tetapi mereka perlu belajar, membuat kajian, dan menyiapkan tugas. Mereka juga perlu mengakses sistem pada masa-masa tertentu untuk melibatkan diri dalam perbincangan bersama pensyarah dan pelajar lain. Oleh itu mereka perlu menguruskan masa mereka sebaiknya untuk melengkapkan kursus dalam masa yang ditetapkan.

2.3.1 PERBANDINGAN SISTEM

Sistem yang cuba dibangunkan ini telah dibandingkan dengan beberapa sistem yang menggunakan konsep yang hampir sama dengannya. Antaranya ialah :

1. VOISS 2

Virtual University Online Information Support System version 2 (VOISS 2) yang telah diimplementasi dalam mendorong modul pembelajaran melalui internet .

Sistem VOISS 2 melibatkan dua modul iaitu pensyarah dan pelajar. Modul yang pertama adalah untuk pensyarah di mana dia boleh menghasilkan nota pensyarah, kuiz secara atas talian, pengumuman, kelas secara maya dan kumpulan perbincangan. Ia juga membenarkan pensyarah untuk melihat prestasi pelajar. Modul kedua yang melibatkan pelajar yang mana membenarkan pelajar mengambil kuiz secara atas talian, menghadiri kelas secara maya, menjejaki prestasinya dan berkomunikasi dengan pensyarah serta pelajar-pelajar lain. Ia terdiri daripada antaramuka web-based yang mana ia memerlukan akses pengguna yang sah untuk melayari homepage.

VOISS 2 menyediakan 16 web-based antaramuka dan ianya boleh diminimumkan mengikut keperluan organisasi. VOISS 2 melibatkan empat modul: modul pensyarah, modul pelajar, modul ketua subjek, dan modul pentadbir. Sistem ini menawarkan 16 menu major dan boleh diminimumkan mengikut keperluan pelanggan

2. U-SOLUTION

U-Solution merupakan portal yang mengintegrasikan dan merangkaikan universiti, kolej, dan organisasi pendidikan tanpa mengira masa dan tempat. Melalui U-Solution, institusi dan organisasi boleh menawarkan program akademik yang komprehensif berdasarkan keperluan spesifik pembelajaran. Melalui U-Solution, tiada had untuk bilangan pelajar yang diambil berbanding dengan kelas tradisional.

U-solution bertindak sebagai laluan utama dalam menyokong keperluan maklumat bersama kepada sesiapa yang inginkan capaian yang cepat dan mudah untuk set data yang konsisten dalam pendidikan. U-solution dihasilkan untuk memenuhi keperluan pada masa sekarang dan pengetahuan pantas mengikut persekitaran.

U-Solution secara primernya dihasilkan untuk menghubungkan individu dengan pengetahuan. Ia merupakan sistem mesra pengguna di mana kandungan, aplikasi dan servis tidak memerlukan latihan kepada pengguna yang buat pada pertama kali menggunakannya. U-Solution menyediakan capaian kepada kualiti dan maklumat pendidikan alternatif sumber portal, di mana menawarkan pengalaman pembelajaran secara praktikal, dan penilai kemahiran.

Kebaikan U-solution

- Pembelajaran disampai bila dan di mana diperlukan.
- Pembelajaran boleh menjadi lebih menarik dan interaktif.
- Kos keseluruhan boleh dikurangkan di samping meningkatkan efisien.
- Kualiti dan pembentangan bahan kursus adalah konsisten.
- Pembahagian dan pembaharuan bahan kursus adalah cepat dan mudah.

- Peralatan komunikasi seperti forum, papan buletin, dan e-mail membantu memastikan penyertaan.
- Inovatif dan mudah untuk menggunakan peralatan web.
- Meningkatkan produktiviti.

2.4 KAJIAN PERALATAN PEMBANGUNAN SISTEM

Peralatan adalah penting dalam pembangunan perisian kerana ianya banyak membantu dalam proses pembangunan sistem. Penggunaan peralatan membantu pengaturcara dan pembangun sistem untuk membangunkan sebuah sistem dengan lebih baik, cekap, tepat, berkualiti dan dalam kos yang lebih murah dan munasabah.

Perkembangan teknologi masa kini menyaksikan kemunculan pelbagai peralatan untuk pembangunan sistem seperti PHP, Java, ASP, Power Builder, Visio Profesional, Microsoft Front Page, Cold Fussion dan pelbagai lagi.

Dengan itu adalah penting untuk seseorang pembangun sistem untuk melakukan beberapa pertimbangan sebelum memilih peralatan yang ingin digunakan untuk pembangunan sistem. Antara perkara yang perlu diambil kira termasuklah:

1. Ianya perlulah mudah untuk dipelajari dan digunakan. Ini adalah penting untuk memastikan masa untuk memahami dan mempelajari peralatan tersebut adalah minimum dan sistem dapat disiapkan dan dihantar pada masa yang ditetapkan.
2. Peralatan perlulah mempunyai ciri-ciri yang diinginkan bagi sesebuah sistem yang ingin dibangunkan. Sebagai contoh jika sekiranya sistem itu memerlukan

capaian keatas pangkalan data, maka peralatan yang dipilih perlulah mempunyai keupayaan untuk membuat penyambungan ke pangkalan data. Begitu juga pembangunan antaramuka, ianya perlulah menyediakan ciri-ciri yang diperlukan untuk pembinaan antaramuka sistem seperti kotak senarai, kotak dialog dan juga ikon-ikon.

3. Peralatan juga perlulah membenarkan integrasi dengan sistem yang lain. Pengguna masa kini tidak mahu sistem yang terbatas penggunaannya dan tidak mampu berkomunikasi dengan sistem yang lain.
4. Peralatan yang dipilih perlulah berupaya untuk melakukan pelbagai jenis kerja pembangunan sistem termasuklah menjana kod-kod aturcara dan sesuai untuk pelbagai bahasa pengaturcaraan.
5. Dari sudut pemprototaipan kriteria untuk pemilihan peralatan perlulah menjurus kepada kecekapan, kepantasan dan kemudahan untuk penggunaannya.
6. Peralatan perlulah interaktif untuk membimbing pembangun sistem dalam proses pembangunan sistem. Dengan ini peralatan akan lebih mudah dijelajahi dan seterusnya mengurangkan masa untuk mempelajarinya.

1. SKRIP VISUAL BASIC

Skrip VB direkabentuk unuk menyediakan kebolehan pengskrip dari sudut pelanggan (client side) di dalam pelayar Internet Explorer. Skrip VB adalah dari famili

Visual Basic yang menyediakan skrip aktif untuk pelbagai persekitaran termasuklah dalam persekitaran pelayan pelanggan.

Skrip VB boleh diselitkan di dalam dokumen HTML. Ianya lebih mudah dipelajari akan digunakan disamping penggunaan yang lebih cekap dan pantas dalam pembangunan aplikasi berasaskan web.

Dari sudut pelanggan (pelayar) interaksi Skrip VB adalah dengan kawalan Active X yang menyediakan halaman dan kandungan yang lebih aktif dan lebih menarik. Manakala dari sudut pelanggan, penggunaan bersepadu ASP dan HTML menghasilkan aras baru fungsian yang turut memudahkan pembangunan sistem atas talian.

2. Active Server Pages (ASP)

Perkembangan teknologi perkomputeran menyebabkan pembangunan web merasakan mereka perlu untuk membangunkan web yang bukan sahaja statik dalam memaparkan maklumat. Jadi, mereka menggunakan CGI dan PERL di mana ia menetengahkan interaksi pengguna dengan web mereka. Kemudian ISAPI keluar di pasaran yang menetengahkan teknik yang dinamik dalam membangunkan web, tetapi mereka memerlukan kefahaman yang lebih berbanding dengan kefahaman seorang pengaturcara ("*programmer*"). Akhirnya, ASP lahir dengan teknologi *server-side scripting* dalam membangunkan web yang bukan sahaja dinamik malahan interaktif.

ASP bersifat terbuka iaitu aplikasi persekitaran bebas-kompil di mana HTML boleh digabungkan dengan skrip ("*scripts*") dan juga komponen ActiveX. Skrip yang

disokong termasuklah VBScript dan Jscript. ASP merupakan fail teks dengan nama fail *.asp* yang mengandungi HTML, dan skrip bagi pelanggan dan pelayan. Perlaksanaan ini dihasilkan oleh Microsoft dan satu produk yang diketengahkan adalah Microsoft Personal Web Server secara spesifiknya, atau Microsoft Internet Information Server secara kompleksnya.

ASP merupakan teknologi yang membenarkan pembangunan HTML yang programatik sebelum ia dihantarkan kepada *browser*. ASP bukannya sejenis bahasa pengaturcaraan walaupun ia menggunakan Jscript dan VBScript. Tetapi, ASP lebih sesuai diterangkan sebagai satu teknologi bagi pembinaan sebuah web yang dinamik dan interaktif.

Dalam pembangunan sistem berasaskan web yang mengaplikasikan perisian ASP ini, penulisan skrip ("*scripting*") moden dijadikan tunjak utama dalam menjadikannya lebih interaktif. Di antara skrip moden yang digunakan adalah VBScript, Jscript, PERL, C++ / C, FORTRAN dan banyak lagi. Kebiasaannya, VBScript dan Jscript merupakan skrip yang terkenal dan luas digunakan.

Daripada kajian yang telah dijalankan serta saranan daripada pensyarah penasihat serta moderator, pengkaji telah memilih ASP sebagai perisian yang utama digunakan dalam pembangunan Sistem Aduan Kerosakan Komputer FSKTM ini.

ASP menjadi pilihan dalam projek ini kerana:

- ASP membenarkan pembangun-pembangun web untuk melarikan program dalam bahasa pengaturcaraan yang tidak disokong oleh *browser* pengguna.

- ❑ ASP boleh dibangunkan dengan menggunakan *server-side scripting* dan *client-side scripting*, tetapi tanpa *client-side scripting* web atau sistem tersebut dapat dibangunkan dengan dinamik dan interaktif kerana *client-side scripting* hanya bagi tujuan keselamatan sistem atau organisasi.
- ❑ Masa untuk memuatkan paparan HTML ("*loading time*") pada mesin/platform pelayan
- ❑ ASP mampu menyediakan pendekatan dari aspek keselamatan sistem atau web di mana pembangun web boleh menulis kod aturcara yang tidak boleh dilihat oleh pengguna pada *browser* mereka.
- ❑ ASP membenarkan web untuk membuat capaian kepada pangkalan data pelayan dan direktori perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah organisasi
- ❑ ASP luas digunakan dalam pembangunan web masakini dan kebolehdapatan contoh-contohnya tinggi di dalam internet.

Disamping itu, faktor-faktor *skrip-skrip moden* yang boleh digunakan dalam ASP juga merupakan aspek utama ASP dipilih. Kebolehan skrip-skrip moden ini adalah seperti berikut:

- ❑ butang yang boleh bertukar atau berubah apabila pengguna melalui di atasnya.
- ❑ laman web yang tahu siapa kita (pengguna) dan mengingat perkara-perkara yang berkaitan dengan kita.

- ❑ laman web yang boleh menukar maklumat-maklumat tertentu ("reflect").
- ❑ pembangunan persekitaran yang moden
- ❑ boleh menyelitkan bunyi dan video sampingan.
- ❑ aplikasi web yang mudah dicipta dengan aliran program dan logik.

3. COMMON GATEWAY INTERFACE (CGI)

CGI adalah set aturcara yang biasanya digunakan oleh pelayan web untuk menghantar permintaan pelayar kepada aturcara aplikasi, menerima data daripada aturcara dan menghantar ia semula kepada pelayar. CGI biasanya digunakan untuk aplikasi borang yang memerlukan interaksi dengan butang. Dengan klik kepada butang, aplikasi CGI akan dipanggil. Aplikasi CGI boleh ditulis didalam beberapa bahasa pengaturcaraan seperti Perl, C, C++ dan Java. Bahasa pengaturcaraan yang paling digemari untuk digunakan dalam CGI adalah Perl.

Apabila pelayan web menerima permintaan pelayar terhadap aplikasi CGI, nama aplikasi itu akan dikenalpasti. Pelayan kemudiannya akan menghantar data pengguna kepada aplikasi tersebut. Aplikasi akan memproses data dan menghantar output HTML kepada pelayan dan seterusnya menghantar aplikasi kepada pelayar untuk paparan fail tersebut.

4. Java

Bahasa pengaturcaraan Java adalah cekap dan teguh, membolehkan pembangun untuk:

- Menulis perisian di atas satu platform dan melarikannya di atas platform yang lain.
- Membangunkan aplikasi forum atas talian, simpanan, pemprosesan format HTML, dan berbagai lagi.
- Menulis aplikasi untuk sel telefon, 'pager' dua hala, dan pelbagai peranti lagi.

Teknologi Java

Teknologi Java adalah meliputi kedua-dua bahasa pengaturcaraan dan platform.

Platform Java

Terdapat dua komponen platform Java:

- *Java Virtual Machine* (Java VM)
- *Java Application Programming Interface* (Java API)

Java VM merupakan dasar pangkalan platform Java dan ia telah disesuaikan untuk pelbagai platform pangkalan perkakasan. Java API adalah merupakan koleksi komponen perisian yang menyediakan kemampuan yang berguna, seperti antara muka pengguna secara grafik (GUI).

Bahasa pengaturcaraan Java

Bahasa pengaturcaraan Java merupakan bahasa peringkat tinggi, yang mana ia mempunyai karektor seperti berikut:

Berorientasikan objek

Java merupakan bahasa berorientasikan objek, yang mana kita perlu fokus ke atas data dalam aplikasi dan *metod* yang memanipulasi data tersebut, daripada berfikir tentang syarat-syarat dalam prosedur. Dalam sistem berorientasi objek, *kelas* merupakan koleksi data dan metod yang beroperasi ke atas data tersebut. Data dan metod tersebut mengenal pasti lokasi dan tingkah laku *objek*. Kelas disusun dalam hierarki, dan dengan ini sub kelas boleh mewarisi tingkah laku daripada super kelasnya.

Teragih

Java menyokong pelbagai tahap sambungan rangkaian melalui kelas dalam pakej `java.net`. (cth. Kelas URL membenarkan aplikasi Java untuk membuka dan mencapai kawalan objek dalam internet).

2.5 KAJIAN PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA

Data merupakan komponen yang penting dalam mana-mana sistem yang dibangunkan. Data perlu diuruskan dengan kemas, sistematik, dan selamat supaya ianya boleh digunakan pada bila-bila masa ianya diperlukan. Pada masa kini terdapat pelbagai perisian yang telah dibangunkan untuk tujuan ini. Pemilihan terhadap aplikasi perlulah dipertimbangkan sewajarnya agar tidak mendatangkan masalah dalam sistem semasa dibangunkan mahupun semasa penyelenggaraan sistem tersebut.

1. My SQL

My SQL merupakan sumber terbuka pangkalan data SQL yang popular, yang mana ia dibangunkan dan disediakan oleh My SQL AB.

My SQL sebagai sistem pengurusan pangkalan data.

Pangkalan data merupakan struktur koleksi data. Untuk menambah, mencapai dan memproses data yang disimpan di dalam pangkalan data komputer, kita memerlukan pelayan sistem pengurusan pangkalan data seperti My SQL.

My SQL sebagai sistem pengurusan pangkalan data yang berkait.

Pangkalan data yang berkait akan menyimpan data dalam jadual yang berasingan dan bukannya menyimpan kesemua data di dalam bilik stor. Ianya dapat menambah kelajuan dan kefleksibelan. Jadual tersebut akan dihubungkan dengan mengenal pasti perhubungan, dan menggabungkan data daripada beberapa jadual berdasarkan permintaan. Perkataan SQL adalah sikronim daripada “Structured Query Language”, merupakan bahasa yang “standard” untuk mencapai pangkalan data.

Perisian MySQL adalah sumber yang terbuka.

Sumber yang terbuka bermaksud adalah tidak mustahil untuk sesiapa sahaja mengguna dan mengubahsuaikannya. Sesiapa sahaja boleh memuat turun perisian MySQL daripada internet dan menggunakannya tanpa bayaran. Sesiapa yang

berminat boleh mempelajari kod sumbernya, dan menukarnya mengikut keperluan. MySQL menggunakan GPL (GNU General Public License), yang mana ia mengenalpasti apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan dalam situasi yang berbeza.

Analisis dan fungsi

Mengapa guna Pelayan Pangkalan Data MySQL.

Pelayan Pangkalan Data MySQL adalah sangat laju, boleh dipercayai dan senang untuk digunakan. Ia dibina untuk mengendalikan pangkalan data yang besar dengan laju berbanding dengan penyelesaian yang sedia ada. Hari ini, MySQL telah menawarkan pelbagai set fungsi yang berguna selain dari ciri-ciri kelajuan dan keselamatan yang dimilikinya menjadikannya sesuai untuk capaian pangkalan data melalui internet.

Spesifikasi teknikal Pelayan Pangkalan Data MySQL.

Perisian pangkalan data MySQL merupakan sistem pelanggan/pelayan yang mana ia menyokong atucara pengguna yang berlainan, perkakasan pentadbiran, dan antara muka atucara yang luas.

Spesifikasi utama MySQL

Kesesuaian

- Menyokong platform yang berbeza.
- Menyokong perisian C, C++, Java, Perl, PHP, Python dan sebagainya.

Jenis kolum

- Terdapat pelbagai jenis kolum: integer dengan panjang 1, 2, 3, 4, dan 8 bait, jenis FLOAT, DOUBLE, CHAR, VARCHAR, TEXT, BLOB, DATE, TIME, DATETIME, TIMESTAMP, YEAR, SET, dan ENUM.

Arahan dan fungsi.

- Operator penuh dan fungsi adalah seperti SELECT dan WHERE. Sebagai contoh:

- `mysql> SELECT CONCAT(first_name, " ", last_name)`

- `-> FROM tbl_name`

- `-> WHERE income/dependents > 10000 AND age > 30;`

- DELETE, INSERT, REPLACE, and UPDATE memulangkan baris yang diubah.

Keselamatan.

- Capaian dan kata laluan adalah adalah fleksibel selamat. Kata laluan adalah selamat kerana semua trafik dienkrip apabila seseorang mencapai pelayan.

Penyambungan.

- Pelanggan boleh menyambung kepada pelayan MySQL menggunakan Soket TCP/IP, Soket Unix (Unix), atau Named Pipes (NT).

2. Microsoft SQL 7.0

Microsoft SQL 7.0 ialah sebuah Database Management Systems (**DBMS**) yang mempunyai keupayaan tinggi dalam membangunkan aplikasi yang melibatkan

pangkalan data dari rangkaian kecil sehinggalah ke rangkaian yang sangat besar. Terdapat bahasa pengaturcaraan yang spesifik untuk membangunkan SQL (*Structured Query Language*) iaitu bahasa Transact-SQL (*T-SQL*). Walaupun bahasa pengaturcaraan ini tidak mempunyai antaramuka tetapi ia masih boleh digunakan dengan mudah. Ini kerana terdapat banyak fungsi yang dapat membantu melibatkan manipulasi data dan carta alir. SQL Server 7.0 merupakan perisian yang mampu menghasilkan pangkalan data yang tegap bagi sistem pengendalian Windows. SQL Server 7.0 adalah Relational Database Management System (*RDBMS*) yang menjadi pilihan bagi spektrum pelanggan korporat yang luas dan pembangunan aplikasi perniagaan Independent Software Vendors (*ISVs*). SQL Server 7.0 mempunyai sifat-sifat seperti perisian-perisian pangkalan data yang lain seperti kemudah-gunaan, kebolehpercayaan, keboleh-skalaan dan banyak lagi.

SQL Server 7.0 boleh dilarikan dalam sistem pengendalian Windows NT 4.0 atau pun Windows 2000. Bagi edisi *Enterprise*, mampu menghasilkan pangkalan data yang lebih kukuh dan mempunyai banyak fungsi. Kebolehan SQL Server 7.0 dalam menyediakan persekitaran pembangunan bagi skala yang besar di samping menggunakan aplikasi pengagihan ("*distributed applications*") menjadikan perisian ini sebagai platform yang terbaik dalam misi pangkalan data yang kritikal (dapat mengesan setiap kesilapan yang timbul). Tambahan lagi, ia dapat memberi sokongan rangkaian dan boleh menggunakan memori sehingga 3Gb memori. Sifat ini amat sesuai bagi sistem yang menggunakan aplikasi sistem pelayan-pelanggan.

3. MICROSOFT ACCESS 2000

Microsoft Access 2000 adalah aplikasi pengurusan pangkalan data hubungan yang dapat membenarkan saling integrasi dan pengkongsian data yang agak kerap digunakan pada masa sekarang. Dengan menggunakan pemacu ODBC untuk Access, data-data yang disimpan dalam pangkalan data sistem boleh dicapai. Aplikasi ini juga sesuai untuk persekitaran pelayan-pelanggan yang memerlukan komunikasi dinamik antara komputer pengguna dan juga pelayan.

Kelebihan Microsoft Access 2000:

1. Keserasian enjin pangkalan data dengan Frontpage 2000 yang mana aplikasi Frontpage boleh dihubungkan terus dengan mudah kepada pangkalan data Access.
2. Microsoft Access dapat memberikan sokongan ekstensif dalam utiliti internet dengan berkesan. Mempunyai sokongan kepada rekabentuk borang, laporan dan modul kelas tahap atas. Modul ini sebenarnya bertindak sebagai templat untuk pembinaan objek. Umumnya templat atau modul kelas ini akan menspesifikasikan apa yang berlaku pada objek selepas ianya dicipta.

2.6 KAJIAN KEPERLUAN PERKAKASAN

Keperluan berikut adalah keperluan minimum perkakasan yang digunakan untuk membangunkan Sistem Online Tutorial FSKTM.

- Windows 95, 98, ME /2000**, Windows NT 4.0 Workstation atau Windows XP.
- Pemproses dengan kelajuan 166 MHz atau lebih.
- Kabel rangkaian atau sambungan internet.
- 32 MB RAM, 64 MB atau yang disyorkan.
- Kad audio.
- Mikrofon PC.
- Pembesar suara PC.

BAB 3: METADOLOGI

3.1 PENGENALAN

Proses Kejuruteraan Perisian meliputi set langkah yang merangkumi metod, peralatan dan prosedur. Set langkah ini biasanya dirujuk sebagai Paradigma Kejuruteraan Perisian atau model kitar hayat Pembangunan Perisian (SDLC). Paradigma ini biasanya dipilih berdasarkan sifat projek yang dijalankan dan aplikasi serta peralatan dan prosedur yang akan digunakan.

Paradigma atau model untuk pembangunan sistem yang juga dikenali sebagai metadologi terdiri daripada beberapa bentuk yang mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Pun begitu, setiap model ini mempunyai fasa generik yang sama iaitu fasa definisi, pembangunan dan penyelenggaraan.

Secara amnya, metadologi atau cara untuk melakukan sesuatu mempunyai beberapa objektif yang tertentu dalam pembangunan sistem iaitu:


1. Mendapatkan keperluan sistem yang tepat.
2. Menyediakan cara yang sistematik untuk membangunkan sistem dengan itu. perkembangan sistem akan dapat diketahui disepanjang proses pembangunannya.
3. Menghasilkan sistem yang boleh didokumentasikan dengan baik dan mudah diselenggarakan.
4. Mengenalpasti sebarang perubahan yang perlu seawal mungkin dalam kitar hayat sistem.

5. Menghasilkan sistem yang mempunyai kebolehgunaan yang tinggi.

Model-model yang akan dipertimbangkan di bawah tajuk ini adalah perwakilan terhadap langkah-langkah yang meliputi fasa-fasa dalam pembangunan sistem. Pertimbangan ini adalah penting untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang wujud di sepanjang fasa tersebut. Pemilihan metodologi yang bersesuaian dan tepat dapat membantu dalam membangunkan sistem bagi projek ini.

3.2 PERTIMBANGAN DAN ANALISIS METODOLOGI

3.2.1 Model 'Build and Fix'



Rajah 3.1: Model Build and Fix

3.2.2 Pembangunan sistem mengikut model ini adalah cara yang paling mudah dan ringkas.


Sistem dibangunkan mengikut versi. Versi yang siap akan diserahkan kepada pengguna untuk dibuat penilaian. Sebarang perubahan yang diinginkan oleh pengguna akan dilakukan sehingga pengguna berpuas hati. Kemudian, sistem akan menjalani penyelenggaraan sehinggalah ianya bersedia untuk dihantar kepada pengguna sepenuhnya.

Berdasarkan fasa-fasa pembangunan sistem model ini, jelas bahawa model tidak mempertimbangkan rekabentuk dan spesifikasi keperluan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada rekabentuk dan keperluan sistem, ianya agak sukar untuk dilaksanakan dan memerlukan masa dan kos yang agak tinggi. Hasil keseluruhan sistem mungkin tidak menepati kehendak pengguna kerana penglibatan pengguna yang terhad di sepanjang model ini.

Model ini juga bersifat tidak berstruktur. Ianya tidak sesuai untuk memenuhi keperluan pengguna dengan lebih terperinci.

1. Sistem mungkin tidak memenuhi keperluan pengguna.
2. Sistem mungkin tidak membolehkan perubahan yang diinginkan.
3. Kos pembangunan sistem mungkin melebihi yang diperuntukkan.
4. Masa yang diambil untuk pembangunan sistem melebihi daripada yang diperuntukkan.
5. Pakej yang terlibat meninggalkan projek sebelum ianya tamat-projek.

3.2.2 Model Lingkaran (Spiral)



Rajah 3.2: Model Lingkaran Spiral

Model ini menumpukan terhadap pengurangan risiko dalam pembangunan sistem. Berikut merupakan beberapa risiko yang berkemungkinan untuk dihadapi oleh sistem di sepanjang proses pembangunan sistem mengikut model ini.


1. Sistem mungkin tidak memenuhi keperluan pengguna.
2. Sistem mungkin tidak memenuhi kualiti yang diinginkan.
3. Kos pembangunan sistem melebihi daripada yang diperuntukkan.
4. Masa yang diambil untuk pembangunan sistem melebihi daripada yang diperuntukkan.
5. Pakar-pakar yang terlibat meninggalkan projek sebelum ianya tamat-projek terbengkalai.

6. Pembinaan produk yang sama tetapi lebih bagus daripada projek yang dibangunkan. Ini menyebabkan projek ini ketinggalan dan dianggap usang.

Model ini mementingkan kualiti produk yang dihasilkan disamping berusaha untuk mengurangkan risiko semasa pembangunan sistem. Faktor pengurangan risiko boleh mengurangkan kos dan masa terutamanya apabila tiba fasa pengujian. Analisis risiko yang teliti juga menyebabkan fasa penyelenggaraan menjadi lebih mudah disamping menyediakan beberapa alternatif dalam penyelesaian masalah semasa pembangunan produk atau sistem.

Namun begitu, model ini memerlukan kerjasama yang erat diantara pengguna dan pembangunan sistem untuk mengenalpasti risiko dan kaedah penyelesaiannya. Jadi model ini hanya sesuai untuk pembangunan sistem dalaman sahaja dimana pembangun sistem dan pengguna berada dalam organisasi yang sama. Kerjasama untuk “stakeholder” dalam organisasi berbeza akan mendatangkan banyak masalah yang mana melibatkan kontrak dan implikasi yang tidak dijangka. Disamping itu, analisis risiko yang tepat bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Ianya memerlukan masa yang agak lama untuk dipertimbangkan dan diselesaikan. Jadi ianya adalah tidak berbaloi untuk pembangunan sistem yang kecil.

3.2.3 Model Air Terjun dengan Prototaip



Rajah 3.3: Model Air Terjun dengan Prototaip

Model Air terjun dibina oleh Royce pada tahun 1970 an. Model ini memerlukan pembangun sistem melakukan analisis keperluan terlebih dahulu. Keperluan sistem ditentukan, dikenalpasti dan disemak dengan teliti dan didokumenkan. Selepas spesifikasi ini telah disahkan oleh pengguna, barulah fasa seterusnya ditentukan.

Model ini membenarkan maklumbalas dan pengulangan dalam proses pembangunan sistem. Pembangun sistem boleh berpatah balik kepada fasa yang sebelumnya jika terdapat sebarang pembetulan diperlukan. Sebagai contohnya, semasa

fasa rekabentuk antaramuka pengguna, kesilapan dalam spesifikasinya mungkin memerlukan pembangun sistem berpatah balik kepada fasa analisis keperluan.


Dalam Kejuruteraan Perisian, terdapat konsep atau hipotesis yang menerangkan bahawa semakin lambat kesilapan dikesan, semakin tinggi kos yang diperlukan untuk memperbetulkannya. Untuk itu adalah penting untuk mengenalpasti dan mengesahkan setiap fasa dengan baik untuk mengelakkan pengulangan fasa yang tidak diingini.

Atas dasar ini, teknik pemprototaipan diselitkan untuk mendapatkan keperluan sistem setepat yang mungkin dengan menggunakan pendekatan “iterative” atau berulang. Pemprototaipan melibatkan pembinaan subsistem subsistem yang diuji secara berulang-ulang sebelum diimplementasikan sepenuhnya. Dalam membina subsistem - subsistem yang baik dan boleh diterima oleh pengguna, penglibatan pengguna adalah sangat penting. Sekiranya terdapat kesilapan dan pengguna tidak berpuas hati dengan subsistem tersebut, pembangun sistem boleh pergi ke fasa analisis keperluan untuk merekabentuk subsistem yang mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh pengguna. Subsistem yang baru akan diimplementasikan sekali lagi. Proses ini akan dilakukan secara berulang-ulang sehinggalah pengguna benar-benar berpuas hati dengan sistem secara keseluruhannya.

Proses prototaip melibatkan beberapa langkah yang penting. Pembangun sistem akan merekabentuk prototaip dengan pantas. Langkah ini tidak akan memakan masa yang panjang kerana hanya aspek yang kecil sahaja akan dipertimbangkan (kerana ia merupakan komponen kecil sistem). Selepas itu prototaip akan diimplementasikan untuk melihat kebolehlaksanaannya. Pengguna akan turut serta

semasa proses ini untuk memberikan tindak balas terhadap unit-unit prototaip yang dibina. Pembangun sistem akan mengambil kira perkara-perkara yang dicadangkan oleh pengguna untuk melakukan perubahan ke atas unit tersebut. Sebarang perubahan akan melibatkan langkah rekabentuk prototaip dan seterusnya sehinggalah pengguna benar-benar berpuas hati dengan sistem yang dihasilkan.

3.2.3.1 Langkah-langkah pemprototaipan:



Rajah 3.4: Rajah Perlaksanaan Prototaip

Prototaip mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri.

Kebaikan prototaip

1. Komitmen yang tinggi daripada pengguna dan input yang baik di sepanjang proses pembangunan sistem. Salah satu objektif utama dalam pemprototaipan adalah untuk merekabentuk sistem yang memenuhi citarasa dan kehendak pengguna pada peringkat yang paling maksimum. Melalui kaedah ini, pengguna memberikan perhatian terhadap rekabentuk sistem dan komponen-komponen yang membentuknya. Semasa melakukan pemerhatian, pengguna akan memberikan maklumbalas dan maklumbalas terhadap sistem yang diingini. Dengan itu, objektif pembinaan sistem lebih mudah dicapai memandangkan pengguna menyediakan garis panduan yang jelas semasa pembangunan system.
2. Masa pembangunan sistem yang pantas. Untuk membina sebuah prototaip yang mudah, ianya tidak akan mengambil masa yang panjang. Keputusan awal juga dapat dilihat secepat mungkin dengan menggunakan prototaip. Tetapi keseluruhan sistem mungkin akan mengambil masa yang agak panjang.
3. Pembetulan masalah adalah kos efektif. Kos yang diperlukan untuk memperbetulkan kesilapan adalah lebih rendah memandangkan ianya boleh dikesan pada peringkat awal kitar hayatnya. Tanpa menggunakan prototaip, masalah mungkin atau hanya akan dikenalpasti apabila sistem sudah siap dibina.

Keburukan Prototaip

1. Pergantungan dan komitmen yang tinggi daripada pengguna. Masalah timbul apabila pengguna tidak mempunyai masa untuk terlibat secara aktif dalam pembangunan sistem. Ini akan mengakibatkan langkah-langkah prototaip terganggu dan ini akan menyebabkan ia tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Aktiviti-aktiviti menghasilkan prototaip mungkin membawa kepada pembangunan sistem kepada skop yang tidak dirancang dan tidak dijangka. Pengguna sering memerlukan sistem yang baik dan maklumbalas yang diterima mungkin tersasar daripada skop sistem dan menghasilkan sistem yang lebih besar. Ini mungkin menjadikan sistem kurang efektif, lambat disiapkan dan mungkin akan rosak. Pun begitu, pengurusan yang baik sepanjang fasa dalam kitar hayatnya boleh membantu dalam mencegah masalah ini.

3.2.4 ANALISIS DAN SINTESIS

Metodologi yang dipertimbangkan melibatkan tiga buah model. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, Kitar Hayat Pembangunan Perisian, fasa-fasa pembangunan projek ini melibatkan 3 fasa yang penting iaitu analisa sistem dan spesifikasi keperluan, rekabentuk sistem serta implementasi. Oleh itu dalam mempertimbangkan metodologi yang baik serta sesuai, segala aspek ini perlu diambil kira. Adakah pendekatan yang digunakan oleh model-model ini sesuai untuk pembangunan sistem ini ?

Model pertama, Model Build and Fix, nyata sekali tidak sesuai kerana sistem yang dihasilkan berpandukan model ini tidak menepati kemahuan pengguna. Proses pembangunan sistem yang terlalu mudah dan ringkas adalah tidak sesuai untuk mencapai objektif ini. Sistem ini memerlukan interaksi yang berkesan dengan pengguna dan mengambil kira faktor-faktor insani yang menyeluruh dan bersepadu. Penggunaan model ini akan menyukarkan objektif projek dicapai.

Model Lingkaran atau Spiral mempunyai pendekatan yang tersendiri iaitu untuk mengurangkan risiko dalam pembangunan produk atau sistem. Walaupun ianya berkesan dan berguna dalam mengurangkan risiko yang terlibat dalam pembangunan sistem, namun ianya tidak sesuai untuk pembangunan projek yang kecil. Skop projek OLT adalah kecil dan pengkajian serta penekanan yang mendalam terhadap risiko dianggap tidak sesuai. Faktor masa juga adalah penting dalam projek ini. Analisis risiko yang perlu mengambil kira kaedah penyelesaian yang mengambil masa yang panjang ternyata sekali tidak sesuai untuk projek ini.

Pendekatan model terakhir yang menitikberatkan kepuasan pengguna dan teknik interaktif dianggap sesuai bagi tujuan pembangunan OLT. Model Air Terjun dengan Prototaip adalah lebih menjurus kepada faktor-faktor pengguna dan secara tidak langsung turut menyokong aspek-aspek insani dalam pembangunan sistem. Contoh yang paling jelas adalah dari sudut rekabentuk antarmuka, pembangunan sistem bukanlah semata-mata perlu membina antarmuka untuk pengguna, malahan perlu memastikan agar ianya boleh diterima dan disukai oleh pengguna. Bagi mendapatkan antarmuka yang digemari pengguna, pembangun sistem tentunya perlu menjalankan beberapa kajian terhadap Kejuruteraan Insani. Penggunaan model ini

adalah turut mengambil kira fasa-fasa pembangunan sistem yang terlibat dalam perbincangan di dalam bab2.

3.2.5 FOKUS TERPERINCI SETIAP FASA BERDASARKAN MODEL AIR TERJUN DAN PROTOTAIP

FASA1: ANALISIS KEPERLUAN

Di dalam fasa ini, pengkajian dan analisis terhadap sistem yang sedia ada dijalankan untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam terhadap sistem di samping mengenalpasti kelemahan dan kekuatan sistem yang sedia ada. Dengan itu, ianya dapat membantu untuk mencari dan mengenalpasti keperluan tambahan sistem untuk menghasilkan sebuah sistem yang lebih efisien. Terdapat pelbagai bentuk teknik untuk mencapai matlamat ini termasuklah mengkaji dokumen yang sedia ada, mengadakan temubual, menggunakan soalan-soalan dan pelbagai lagi. Fasa ini seharusnya membantu pembangun sistem dari segi pengetahuan terhadap keperluan fungsian dan data disamping mengetahui proses, aliran data dan input-output sesebuah sistem.

Teknik-teknik seperti data Flow Diagram (DFD), Entity Relationship Diagram (ERD), carta Struktur dan State Transition Diagram (STD) mungkin boleh digunakan untuk memahami kelakuan sistem secara grafik.

Fasa ini juga perlulah mencapai keperluan pengguna yang dianggap penting untuk pembangunan sistem maklumat seperti antaramuka pengguna (e.g menu, kotak dialog dan tettingkap), skrin kemasukan data, keselamatan sistem dan juga format

laporan yang dikehendaki oleh pengguna. Semasa fasa ini jugalah, seseorang pembangun sistem perlu mengenalpasti kedua-dua keperluan fungsian dan bukan fungsian. Ini adalah penting dalam memastikan kejayaan pembangunan sesebuah sistem. Kesilapan dalam mengenalpasti keperluan fungsian dan bukan fungsian bukan sahaja menyebabkan sistem ditolak oleh pengguna malahan mengakibatkan kerugian yang besar.

FASA 2:REKABENTUK SISTEM

Menggunakan maklumat yang diperolehi di dalam fasa analisis, sistem yang dibina perlulah merekabentuk sistem dengan mengambilkira keperluan tambahan dan sebarang perubahan yang diperlukan ke atas sistem yang sedia ada. Di dalam fasa ini, segala cebisan maklumat yang diperolehi akan disepadukan untuk merekabentuk sistem yang sebenar.

Rekabentuk ini meliputi fungsian yang boleh dilaksanakan oleh sistem termasuklah rekabentuk pangkalan data, antaramuka pengguna, borang kemasukan data, laporan, pertanyaan dan storan fail. Teknik seperti DFD dan ERD yang digunakan dalam fasa pertama boleh juga digunakan untuk fasa rekabentuk sistem untuk mendapatkan kefahaman menyeluruh terhadap rekabentuk sistem.

Rekabentuk sistem menjadi dokumen komunikasi kepada pengguna. Maka ia perlulah mudah untuk mendapatkan maklumbalas yang sepatutnya. Untuk mendapatkan rekabentuk yang berkesan dan diterima pakai oleh pengguna, pendekatan yang akan digunakan adalah pendekatan Human Computer Interactive (HCI).

FASA 3: IMPLEMENTASI

Fasa implementasi termasuklah pengkodan, pengujian, dokumentasi sistem dan latihan kepada pengguna dan pentadbir sistem.

Pengkodan

Spesifikasi proses ini adalah untuk menghasilkan kod-kod yang menggunakan bahas pengaturcaraan komputer yang sesuai (e.g C++, Visual Basics, Java dll). Untuk kemudahan penyelenggaraan pada masa akan datang, aturcara yang dibangunkan perlulah mempunyai modul program yang distrukturkan dengan baik.

Pengujian

Pembangun sistem perlu berusaha keras untuk mencapai kecacatan sifar. Tujuan proses ini adalah untuk memperbaiki kesilapan dalam sistem seperti logic dan ketepatan sistem. Pengujian yang baik akan meminimumkan bilangan kesilapan sebelum ianya dihantar kepada pengguna. Proses ini adalah penting untuk mempertingkatkan kualiti system.

Pengujian melibatkan beberapa peringkat iaitu:

- 1) Pengujian modul-modul atau unit secara berasingan. Segala kesilapan yang dikenalpasti akan diperbetulkan.
- 2) Pengujian bersepadu yang melibatkan gabungan modul-modul untuk menguji kebolehlaksanaannya.
- 3) Pengujian fungsian untuk memastikan ianya berfungsi sebagaimana yang dikehendaki oleh pengguna.

- 4) Pengujian penerimaan untuk dilakukan oleh pengguna sebelum menerima sistem secara formal.

Penilaian

Penilaian sistem dilakukan selepas sistem beroperasi dalam tempoh 3 hingga 6 bulan. Ini adalah untuk membenarkan pengguna benar-benar mahir menggunakan sistem disamping membenarkan kestabilan sistem. Proses ini penting untuk mengetahui adakah sistem benar-benar mencapai objektif asalnya.

III. Pandangan

FASA 4: PENYELENGGARAAN

3.3 KAEDAH KAJIAN

Dalam membangunkan sistem ini pecarian dan pengumpulan maklumat dilakukan dengan pelbagai cara. Ianya bertujuan untuk membantu menghasilkan satu sistem yang boleh diterima pakai mengikut permintaan. Antaranya ialah melalui :

i. Maklumbalas Dalaman

Maklumbalas dalaman ialah saranan daripada beberapa orang pelajar yang telah ditemuramah mengenai pandangan mereka tentang sistem yang dibangunkan. Pandangan-pandangan pelajar tersebut mencetus kepada penambahan idea bagi menghasilkan sesuatu yang baik khususnya antaramuka yang ramah pengguna.

ii. **Maklumbalas Luaran**

Melalui kajian sistem yang melibat dua pihak yang saling perlu berhubung dalam urusan harian maka ianya membawa kepada tujuan sistem dibangunkan. Kajian ke atas sistem manual yang sering membebankan pengguna dapat meyakinkan lagi bahawa sistem ini sekurang-kurangnya dapat memberi manfaat di samping dapat menggantikannya serta digunakan dalam operasi harian.

iii. **Pandangan**

Pengkaji juga mengambil pandangan daripada pensyarah dan pelajar yang menghadiri kelas tutorial di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Kajian terhadap kelemahan sistem manual turut membantu sebagai maklumat tambahan kepada penghasilan sistem ini.

iv. **Bilik Dokumen**

Pengkaji telah membuat tinjauan di bilik dokumen Fakulti Sains komputer dan Teknologi Makumat dan di dapati tiada sistem kelas tutorial atas talian yang dibangunkan sebelum ini. Terdapat segelintir sistem yang mempunyai konsep yang sama tapi lain pendekatan. Oleh itu maklumat pembangunan turut mencontohi ciri-ciri tersebut.

v. Internet

Internet merupakan agen pencarian yang penting dalam menjanakan projek ini.

Antara kegunaannya adalah dengan melihat pelbagai bentuk sistem kelas tutorial yang telah dibangunkan di dalam dan luar negara. Pengkaji telah menggunakan agen pencarian berikut :

<http://www.yahoo.com>

<http://hotmail.com>

<http://visualbasic.com>

<http://cari.com>

Fasa ini adalah penting untuk memastikan sistem beroperasi secara dinamik dengan persekitarannya. Fasa ini akan dijalankan selepas sistem telah siap dan diserahkan kepada pengguna.

3.4 SPESIFIKASI KEPERLUAN PEMBANGUNAN SISTEM

3.4.1 KEPERLUAN PERISIAN

ASP menyediakan fungsian dan aplikasi CGI dengan lebih mudah. Ianya juga menyediakan cara yang lebih mudah kepada pelayar untuk mendapatkan maklumat. ASP juga boleh bertindak sebagai pengantara antara pangkalan data dan antaramuka bagi menghasilkan maklumat yang dinamik kepada pengguna. ASP juga menangani permintaan pelanggan dengan lebih efisien dan efektif disamping ianya lebih mudah dibangunkan.

Berbeza dengan ASP, CGI memakan masa dan memerlukan jumlah RAM yang lebih banyak. Ini adalah kerana proses yang dijalankan oleh pelayan adalah berkadar terus dengan proses yang diminta oleh pengguna. Disamping tu, masa tindakbalas CGI juga adalah lebih rendah berbanding ASP kerana CGI merupakan teknologi yang boleh dianggap ketinggalan zaman.

Skrip VB dan Java merupakan bahasa pengskrip yang bagus dalam teknologi pembangunan web. Namun terdapat beberapa perbezaan yang agak jelas antara kedua-dua teknologi ini termasuklah dari segi kebolehan paparannya pada pelayar. Skrip Java adalah lebih baik. Ini kerana ia menyediakan kemudahan pengaturcaraan yang sesuai untuk pembangunan sistem Tutorial Atas Talian (OLT).

Perbezaan yang jelas juga boleh dilihat dari segi sintaksnya, dimana Skrip VB merupakan subset kepada Visual Basic, manakala Java pula lebih kepada bahasa pengaturcaraan seperti C, C++ dan Java Script.

Secara kesimpulannya, untuk tujuan pembangunan sistem ini, teknologi pembangunan web yang dipilih ialah ASP dan Java kerana kedua-duanya berupaya untuk menghasilkan sistem dengan kekompleksan yang minimum.

3.4.2 KEPERLUAN PANGKALAN DATA

Dalam pemilihan pangkalan data yang sesuai, beberapa aspek penting diambilkira. Ini termasuklah kaedah penyambungan dengan peralatan lain yang digunakan dan juga kemudahan untuk menggunakannya.

3.3.1 Untuk tujuan pembangunan OLT, pangkalan data yang terlibat adalah tidak terlalu besar dengan itu Microsoft Access 2000 dipilih sebagai perisian pembangun pangkalan data.

3.4.3 KEPERLUAN PERKAKASAN

Jadual 3.1: Keperluan perkakasan

Komputer peribadi	Keperluan minimum
	Pemprosesan- Pentium 166 MHz
	Ingatan – 32 Mb RAM

3.5 SPESIFIKASI KEPERLUAN SISTEM

Keperluan merupakan ciri-ciri atau deskripsi terhadap apa yang boleh dilakukan oleh sistem untuk memenuhi pelaksanaan sistem yang dicadangkan. Ianya bukan saja menerangkan aliran maklumat keluar dan masuk ke dalam sistem tetapi juga kekangan di dalam pelaksanaan sistem.

Untuk mendapatkan keperluan yang tepat memerlukan proses yang berulang dan melibatkan penglibatan yang teguh di antara pengguna dan pembangun sistem. Keperluan yang tepat penting untuk menentukan ciri-ciri sistem, manakala rekabentuk menentukan bagaimana pelaksanaan sistem tersebut.

Untuk spesifikasi keperluan sistem yang dibincangkan untuk bahagian ini adalah memfokus kepada keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian.

3.5.1 KEPERLUAN FUNGSIAN

Keperluan fungsian dibahagikan kepada 2 modul iaitu modul pengguna dan modul pentadbir yang mana pengguna kedua-duanya adalah sama. Pensyarah perlu memasuki sistem ini melalui id pensyarah dan pelajar pula memasuki sistem ini melalui id pelajar.

Produk yang disediakan untuk sistem ini ialah untuk fungsi hantar fail, terima fail, padam fail, papan putih, butang untuk mendengar suara pensyarah, ruang perbualan teks, papan pesanan dan produk "Logout" untuk keluar dari sistem ini.

Fungsi bagi setiap produk hantar, terima dan hapus fail yang terdapat dalam sistem ini adalah sama seperti fungsi-fungsi dalam pelayan penghantar emel yang lain seperti dalam yahoo, hotmail dan lain-lain pelayan yang terdapat di internet.

Papan putih (*whiteboard*) digunakan untuk memaparkan teks atau lukisan yang berkaitan dengan subjek yang diajar atau apa-apa sahaja yang berkenaan. Apa sahaja yang ditulis pada papan putih ini dapat dilihat oleh semua mereka yang terlibat dalam kelas tutorial pada masa tersebut. Pensyarah dan pelajar menggunakan papan putih ini untuk menjelaskan dan meningkatkan lagi pemahaman tentang apa yang dipelajari. Untuk menaip teks, pengguna boleh memilih jenis tulisan, stail tulisan dan saiz tulisan yang dikehendaki. Terdapat 4 pilihan jenis tulisan iaitu dialog, sanserif, serif dan monospaced.

Pelajar dan pensyarah pula boleh mendengar suara pengguna lain di dalam sistem dengan memilih daripada nama pengguna tertentu daripada senarai yang disediakan

✓ Walaupun fungsi untuk kedua-dua pengguna (pensyarah dan pelajar) pada keseluruhannya sama tetapi terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua sistem ini.

Selain daripada fungsi-fungsi yang dinyatakan di atas terdapat beberapa fungsi lain lagi iaitu Pemprosesan Pelajar Tutorial Atas Talian (hanya untuk pensyarah-untuk memasukkan pelajar yang berdaftar dengan matapelajaran itu sahaja ke dalam kelas tutorial tersebut), *format (form & colour)*, *clear chat window*, dan *send private messages*.

3.5.2 KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN

Beberapa kriteria penting dalam menjamin kepuasan pengguna dalam menggunakan sistem perlu diambilkira. Ianya bukanlah bergantung seratus-peratus kepada fungsi-fungsi yang dijalankan oleh sistem, namun turut melibatkan beberapa keperluan bukan fungsian.

Antara keperluan bukan fungsian yang cuba dicapai oleh OLT termasuklah:

✓ Kebolehselenggaraan

Sistem dibangunkan dengan menggunakan pendekatan bermodul yang membahagikan sistem kepada modul-modul kecil. Melalui teknik modulariti ini, setiap komponen mempunyai input, output dan keadaan yang dinyatakan dengan jelas. Ini meningkatkan kefahaman terhadap perlaksanaan sistem dan memudahkan penyelenggaraan pada masa akan datang.

✓ Kebolehpercayaan

Sistem perlu berupaya mengeluarkan output yang dikehendaki oleh pengguna semasa digunakan. Pengesanan ralat dan paparan mesej perlu diimplementasi untuk tujuan ini. Disamping itu, pengujian secara komprehensif perlu dilaksanakan untuk mengesan sebarang kegagalan di sepanjang pembangunan sistem.

✓ Kebolehfahaman yang tinggi

Sistem menyediakan antaramuka bergrafik yang menarik, mudah difahami dan mudah digunakan. Penggunaan bahasa juga adalah memenuhi piawaian bahasa yang sesuai untuk pelbagai peringkat usia.

✓ Kecekapan dan Ketepatan

Sistem perlu mampu memenuhi permintaan pengguna apabila ianya diperlukan walaupun telah digunakan berulang kali. ianya perlu cekap melayani permintaan pengguna tanpa menghadapi masalah. Kelajuan sistem interaktif juga menjadi satu isu yang penting dalam aspek penggunaannya. Untuk menjamin kecekapan sistem, beberapa faktor seperti paparan grafik dan simpanan data perlulah dipertimbangkan. Ini adalah kerana operasi grafik mengambil masa yang lebih lama berbanding teks dan simpanan data pula memerlukan capaian data yang melibatkan masa pemprosesan yang bertambah.

✓ Kebolegunaan FAKTOR SISTEM

Sistem perlulah difahami dengan jelas oleh pengguna, mudah digunakan dan diterima oleh pengguna. Sistem juga perlu mampu dipelajari oleh pengguna dalam masa yang singkat walaupun mereka merupakan pengguna yang pertama kali menggunakannya. Dengan itu, sistem perlu mempertimbangkan rekabentuk antaramuka yang bersesuaian dengan pelaksanaan OLT ini.

Adalah dibayangkan ini. Bagi rekabentuk sistem, fasa ini menekankan beberapa aspek yang penting. Antaranya ialah pengkalan data dan antaramuka pengguna. Semua maklumat juga direkabentuk mengikut keperluan pengguna yang terlibat. Ini bertujuan untuk memudahkan pihak yang terlibat untuk membangunkan sistem ini melihat perjalanan sistem ini. Akhirnya, hanya turai membekalkan pengkaji mengemukakan arahan yang perlu untuk sistem ini. Sistem ini hanya dapat membantu pembangunan, memuat maklumat bagaimana hendak mengaturnya program tersebut.

4.1 REKABENTUK SENIBUK SISTEM

Bagi Sistem Tutorial Atas-Talian FSKTM ini, tiga komponen yang terlibat iaitu pentadbir sistem, pensyarah dan pelajar. Pelajar akan memasukkan kata laluan, nombor matrik, kod kursus dan berinteraksi dengan pengguna-pengguna seperti pensyarah dan pelajar dalam sistem. Manakala pensyarah adalah orang yang akan memasukkan kata laluan, nombor laktangan, kod kursus dan berinteraksi dengan pelajar dalam proses menyampaikan tutorial. Data-data seperti kata laluan, nombor matrik atau nombor staf dan beberapa fail akan dibantu dan disimpan ke pangkalan

BAB 4: REKABENTUK SISTEM


4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini ditunjukkan bagaimana untuk merekabentuk Sistem Tutorial Atas Talian FSKTM yang hendak dibangunkan ini. Bagi rekabentuk sistem, fasa ini menekankan beberapa aspek yang penting. Antaranya ialah pangkalan data dan antaramuka pengguna. Aliran maklumat juga direkabentuk mengikut skop pengguna yang terlibat. Ini bertujuan untuk memudahkan pihak yang terlibat untuk membangunkan sistem ini melihat perjalanan sistem ini berfungsi. Ianya turut membolehkan pengkaji menggambarkan aturcara yang perlu untuk sistem ini. Justeru itu ianya dapat membantu pembangun mencari maklumat bagaimana hendak mengaturncara program tersebut.

4.2 REKABENTUK SENIBINA SISTEM


Bagi Sistem Tutorial Atas Talian FSKTM ini, tiga komponen yang terlibat iaitu pentadbir sistem, pensyarah dan pelajar. Pelajar akan memasukkan kata laluan, nombor matrik, kod kursus dan berinteraksi dengan pengguna-pengguna seperti pensyarah dan pelajar dalam sistem. Manakala pensyarah adalah orang yang akan memasukkan kata laluan, nombor kakitangan, kod kursus dan berinteraksi dengan pelajar dalam proses menyampaikan tutorial. Data-data seperti katalaluan, nombor matrik atau nombor staf dan sebarang fail akan dihantar dan disimpan ke pangkalan

data sebagai buku log yang digunakan sebagai bahan rujukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sistem OLT. Komponen terakhir adalah pentadbir sistem yang menguruskan sistem serta memantau pelajar dan pensyarah dan bertanggungjawab untuk membuat perubahan dalam sistem tutorial atas talian. Pentadbir sistem juga yang menguruskan segala pendaftaran pelajar dan pensyarah. Pada masa yang sama juga seseorang pensyarah juga boleh bertindak sebagai pentadbir sistem OLT.




Rajah 4.1: Rajah konteks Tutorial Atas Talian Komputer FSKTM

Rajah konsepsi pula menggambarkan keseluruhan sistem, bermula daripada merekabentuk antaramuka dengan menggunakan ASP. Aturcara aplikasi pula merupakan aturcara perisian yang dibina untuk merekabentuk antaramuka. Ia juga mengandungi operasi pemanipulasian rekod menggunakan sebagai perantara ODBC (*Open Database Connectivity*) kepada pangkalan data untuk menyimpan atau mencapai data ditunjukkan seperti di bawah.



Rajah 4.2: Konsepsi Sistem



Rajah 4.3: Gambarajah Aliran Data Paras

4.3 MODUL SISTEM.

Dalam bahagian ini akan dinyatakan modul-modul yang terdapat pada pengguna sistem seperti pentadbir, pensyarah dan pelajar.

4.3.1 Modul Pentadbir Sistem.

1. Login

Digunakan untuk mengakses sistem OLT. Pentadbir perlu memasukkan input seperti nama pengguna dan kata laluan.

2. Pendaftaran Kod Kursus

Adalah fungsi yang hanya terdapat dalam sistem pentadbir dan merupakan modul yang penting. Fungsi membenarkan pentadbir untuk menentukan kursus yang menawarkan sistem tutorial atas talian (OLT).

3. Pengeditan Kod Kursus

Membolehkan pentadbir mengemaskini atau menghapuskan maklumat mengenai kursus dalam OLT.

4. Pendaftaran Pensyarah Baru.

Membolehkan pentadbir untuk mendaftarkan pensyarah dalam sistem OLT.

5. Kemaskini Data Pensyarah.

Modul yang digunakan untuk mengemaskini atau menghapuskan maklumat mengenai pensyarah dalam OLT.

6. Pendaftaran Pelajar Baru.

Digunakan untuk memudahkan pentadbir sistem untuk mendaftarkan pelajar baru dalam OLT.

7. Kemaskini Data Pelajar

Modul yang digunakan untuk mengemaskini atau menghapuskan maklumat mengenai pelajar dalam OLT.

8. Tamat Sesi.

Modul yang disediakan untuk pengguna keluar daripada sistem.

4.3.2 Modul Pensyarah.

1. Login

Digunakan untuk mengakses sistem OLT. Pensyarah perlu memasukkan input seperti nama pengguna dan kata laluan.

2. Masuk Kelas Tutorial Atas Talian.

Modul yang disediakan untuk pensyarah mengakses sesi kelas tutorial tutorial atas talian.

2.1 Papan Pesanan.

Digunakan untuk menghantar pesanan kepada pengguna lain dalam sistem.

2.2 Hantar Fail.

Adalah modul yang mana pensyarah boleh menghantar fail-fail yang berkaitan pada mana-mana pengguna dalam sistem.

2.3 Senarai Fail.

Merupakan modul yang disediakan untuk pengguna menghapus atau melihat senarai fail-fail yang telah dihantar kepadanya. Untuk melihat kandungan fail, pengguna hanya perlu mengklik pada mana-mana nama fail yang dikehendaki.

2.4 Papan Putih.

Papan putih (*whiteboard*) digunakan untuk memaparkan teks atau lukisan yang berkaitan dengan subjek yang diajar atau apa-apa sahaja yang berkenaan. Apa sahaja yang ditulis pada papan putih ini dapat dilihat oleh semua mereka yang terlibat dalam kelas tutorial pada masa tersebut. Pensyarah dan pelajar menggunakan papan putih ini untuk menjelaskan dan meningkatkan lagi pemahaman tentang apa yang dipelajari. Untuk menaip teks, pengguna boleh memilih jenis tulisan, stail tulisan dan saiz tulisan yang dikehendaki. Terdapat 4 pilihan jenis tulisan iaitu dialog, sanserif, serif dan monospaced. Selain itu ia turut menyediakan kombinasi beberapa warna tertentu untuk pilihan pengguna sewaktu menggunakan papan putih.

2.5 Perbualan Teks.

Merupakan alternatif untuk komunikasi antara pensyarah dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Pengguna hanya perlu menaip mesej menggunakan papan kekunci dan mesej tersebut akan terpapar pada skrin pengguna yang lain.

2.6 Audio.

Pensyarah pula boleh berbual dengan pelajar melalui produk Audio yang disediakan.

3. Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian.

Modul yang disediakan untuk pensyarah memproses permohonan pelajar untuk menyertai kelas tutorial atas talian.

4. Tamat Sesi.

Modul yang disediakan untuk pengguna keluar daripada sistem.

4.3.3 Modul Pelajar.

Tiada banyak perbezaan di antara modul pelajar dengan pensyarah. Walau bagaimanapun pelajar tidak mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang disediakan untuk pensyarah seperti imej yang dilukis oleh pelajar pada papan putih hanya dapat dilihat oleh pelajar itu sendiri dan tidak pada pengguna lain dalam sistem. Selain daripada itu modul **Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian** dalam sistem pensyarah digantikan dengan **Permohonan Kelas Tutorial Atas Talian** dalam sistem pelajar.


4.4 REKABENTUK FUNGSI SISTEM.

Pengguna sistem OLT ialah pentadbir, pensyarah dan pelajar Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat. Berikut merupakan rekabentuk fungsi sistem manipulasi di bahagian pengguna sistem.

4.5 REKABENTUK FUNGSI MODUL.


Pentadbir

1. Login




Rajah 4.4: Carta alir Login

2. Pendaftaran Kod Kursus




Rajah 4.5: Carta alir Pendaftaran Kod Kursus

3. Pengeditan Kod Kursus




Rajah 4.6: Carta alir Pengeditan Kod Kursus

4. Pendaftaran Pensyarah Baru




Rajah 4.7: Carta alir Pendaftaran Pensyarah Baru

5. Kemaskini Data Pensyarah



Rajah 4.8: Carta alir Kemaskini Data Pensyarah


2. Papar Papan



Rajah 4.10: Carta alir Papar Papan


Pensyarah

1. Login




Rajah 4.9: Carta alir Login

2. Papan Pesanan




Rajah 4.10: Carta alir Papan Pesanan

3. Hantar Fail




Rajah 4.11: Carta alir Hantar Fail

4. Senarai Fail




Rajah 4.12: Carta alir Senarai Fail

5. Papan Putih




Rajah 4.13: Carta alir Papan Putih

6. Perbualan Teks




Rajah 4.14: Carta alir Perbualan Teks

7. Perbualan Audio



Rajah 4.15: Carta alir Perbualan Audio

8. Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian




Rajah 4.16: Carta alir Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian

Pelajar

Reka bentuk modul pensyarah dengan modul pelajar mempunyai banyak persamaan. Hanya terdapat satu modul yang membezakan pensyarah dengan pelajar iaitu modul **Pemprosesan Pelajar Kelas Tutorial Atas Talian** dalam sistem pensyarah digantikan dengan **Permohonan Kelas Tutorial Atas Talian** dalam sistem pelajar.

1. Permohonan Kelas Tutorial Atas Talian




Rajah 4.17: Carta alir Permohonan Kelas Tutorial Atas Talian

4.6 REKABENTUK ANTARAMUKA PENGGUNA

Dalam bahagian ini pengkaji akan menunjukkan secara gambarajah ringkas bagi antaramuka sistem yang dibangunkan.

4.6.1 Antaramuka Menu Utama.


Menu utama ini merupakan laman umum bagi sistem Kelas Tutorial Atas Talian (OLT) FSKTM. Apabila butang “Masuk” diklik, pengguna akan dibawa ke laman login untuk capaian fungsi dalam sistem.



Rajah 4.18: Antaramuka Menu Utama.

4.6.2 Antaramuka Login.

Antaramuka ini adalah untuk pengguna mengakses sistem OLT yang mana ia meminta ID pengguna dan kata laluan untuk pelajar, pensyarah atau pentadbir. Pengguna kemudiannya perlu mengklik pada butang “Masuk” yang tersedia untuk mengakses sistem.




Rajah 4.19: Antaramuka Login.

4.6.3 Antaramuka Kelas Tutorial.

Antaramuka ini akan dipaparkan sekiranya pengesahan katalaluan pelajar dan pensyarah disahkan oleh sistem. Ia mempunyai beberapa butang utama seperti “Hantar Fail”, “Terima Fail”, “Hapus Fail” dan “Logout”. Selain itu juga ia mempunyai “Papan Putih” untuk melukis dan ruangan “Chat” untuk komunikasi antara pengguna dalam sistem.

4.6.3.1 Antaramuka Pustakhir.

Antaramuka ini hanya disediakan untuk pengguna seperti pustakhir dalam sistem CLT. Ia mempunyai beberapa menu utama seperti “Pendaftaran Kod Kurikulum”, “Isi Kod




Rajah 4.20: Antaramuka Kelas Tutorial

4.6.3.1 Antaramuka Pentadbir.

Antaramuka ini hanya disediakan untuk pengguna seperti pentadbir dalam sistem OLT.

Ia mempunyai beberapa menu utama seperti "Pendaftaran Kod Kursus", "Edit Kod

Kursus”, “Pendaftaran Pensyarah Baru” dan “Kemaskini Data Pensyarah”.



Rajah 4.21: Antaramuka Pentadbir

4.6.3.2 Antaramuka Papan Pesanan.

Papan pesanan ini disediakan untuk pengguna seperti pelajar dan pensyarah apabila kelas tutorial. Mereka boleh menghantar dan menerima pesanan oleh pengguna lain dalam sistem dengan menggunakan kemudahan ini.

Antaramuka ini mempunyai beberapa butang untuk memudahkan pengguna. Pada butang "Muat Naik Fail" pengguna boleh mengupload fail yang akan terdapat pada skrin. Pengguna boleh memasukkan penerangan dan menekan pada butang "Browse" untuk mencari fail yang dikehendaki dan seterusnya klik pada butang "Open" untuk mendapatkan fail tersebut. Kemudian tekan pada butang "Muat Naik" yang disediakan untuk menghantar fail tersebut.



Antaramuka Papan Pesanan

Hantar oleh: pals


Subjek:

Pesanan:

Rajah 4.22: Antaramuka Papan Pesanan

4.6.3.3 Antaramuka Muatkan Fail.


Jika pengguna mahu menghantar fail pada pengguna lain dalam sistem, tekan pada butang “Muatkan Fail” dan pop-up antaramuka menambah fail akan terpapar pada skrin. Pengguna hanya perlu memasukkan penerangan dan menekan pada butang “Browse” untuk mencari fail yang dikkehendaki dan seterusnya klik pada butang “Open” untuk mendapatkan fail tersebut. Kemudian tekan pada butang “Muat Naik” yang disediakan untuk menghantar fail tersebut.



Rajah 4.23: Antaramuka Hantar Fail

4.6.3.4 Antaramuka Senarai Fail.


Sekiranya pengguna ingin melihat senarai fail yang dihantar oleh pengguna dalam sistem, klik pada butang “Senarai Fail” dan paparan pop-up antaramuka senarai fail akan menyusul pada skrin. Untuk melihat kandungan fail yang dihantar, pengguna hanya perlu klik pada senarai nama fail yang dihantar. Untuk menghapuskan fail-fail yang tidak diinginkan, klik butang “Hapuskan” yang disediakan bersebelahan dengan nama fail, kemudian fail tersebut akan hilang dari senarai.




Rajah 4.24: Antaramuka Terima Fail

4.6.3.5 Antaramuka Papan Putih.

Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan untuk menggunakan papan putih antaranya seperti pilih warna, peralatan papan tulis (*freehand, rectangel, line, oval, dan eraser*), jenis tulisan dan saiz tulisan. Selain itu, ia turut menyediakan paparan senarai pengguna yang menyertai sistem kelas tutorial ini.




Rajah 4.26: Antaramuka Audio



Rajah 4.25: Antaramuka Papan Putih

4.6.3.6 Antaramuka Audio.


Antaramuka Audio membolehkan pengguna seperti pelajar mendengar suara pensyarah atau pengguna lain yang menyertai kelas tutorial melalui sistem audio yang disediakan.



Rajah 4.26: Antaramuka Audio

4.6.3.7 Antaramuka Chat.

Antaramuka ini membenarkan pengguna dalam sistem berkomunikasi antara satu sama lain. Selain itu, turut disediakan jenis tulisan dan mimik muka untuk kegunaan pengguna dalam sistem dari masa ke semasa.



Rajah 4.27: Antaramuka Perbualan Teks

5.2 PERSEKITARAN PEMBANGUNAN

Implementasi dilakukan semasa fasa rekabentuk aplikasi selesai dengan matlamat utamanya adalah untuk kepentingan menghasilkan produk yang betul dan efisien serta juga memenuhi ciri-ciri asal pembangunannya. Ini termasuk menggunakan perakasan dan pelatuk yang sesuai yang bukan hanya untuk mempercepatkan pembangunan sistem, malah demi menamatkan kejayaan projek. Dalam fasa implementasi ini juga dilakukan mengikut modul-modul. Proses pengujian modul-modul mengambil kira proses 'debugging script' yang bertujuan untuk memastikan tiada ralat berlaku. Modul-modul yang telah siap dibangunkan dan

BAB 5 : SISTEM IMPLEMENTASI

5.1 PENGENALAN

Di dalam peringkat sistem implementasi, rekabentuk model sistem telah ditukar kepada hasil. Semasa peringkat analisis dan rekabentuk sistem, *“blueprint”* sistem akan dianalisis dan dibangunkan. Bagaimanapun hasil perisian yang sebenar adalah berbeza daripada blueprint dan daripada modifikasi yang telah dibuat.

Sistem implementasi Sistem Tutorial Atas Talian (OLT) FSKTM ini dibahagi kepada kepada tiga bahagian yang mana pembangunannya meliputi persekitaran, platform dan sistem pembangunan.

5.2 PERSEKITARAN PEMBANGUNAN

Implementasi dilakukan setelah fasa rekabentuk aplikasi selesai dengan matlamat utamanya adalah untuk kepentingan menghasilkan produk yang betul dan efisien serta tepat dan memenuhi ciri-ciri asal pembangunannya. Ini termasuk menggunakan perkakasan dan perisian yang sesuai yang bukan hanya untuk mempercepatkan pembangunan sistem, malah demi menentukan kejayaan projek. Dalam fasa implementasi ini ianya dilakukan mengikut modul-modul. Proses pengkodan modul-modul mengambil kira proses *‘debugging script’* yang bertujuan untuk memastikan tiada ralat berlaku. Modul-modul yang telah siap digabungkan dan

dijadikan menjadi sub-sistem. Pengintegrasian modul-modul harus diberi penekanan sehinggalah sub-sub sistem ini digabungkan menjadi satu sistem yang lengkap.

6.1 PENGENALAN

5.3 PEMBANGUNAN PLATFOM

Pembangunan platfom meliputi penetapan Windows 2000 Professional dan konfigurasi Personal Web Server. Platfom untuk pembangunan Sistem Tutorial Atas Talian (OLT) FSKTM ini adalah menggunakan Personal Web Server. Ianya dilarikan pada pelantar Windows 98 atau 2000.

5.4 PEMBANGUNAN SISTEM

5.4.1 Pengkodan Laman Web

